



Kementerian Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Masyarakat

## SIARAN MEDIA

### “KERJASAMA JITU PELBAGAI PIHAK BAGI MISI PASCA BANJIR”

**TEMERLOH, 13 FEB** – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menyumbang sebanyak RM83,000 kepada seramai 83 orang kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (JKMN) Pahang dan Lembaga Pendudukan dan Pembangunan Negara (LPPKN) Pahang yang berhadapan dengan bencana banjir yang melanda negeri tersebut baru-baru ini.

“Saya amat bersyukur dan berterima kasih kepada semua warga KPWKM yang telah memberikan komitmen yang jitu walaupun ada di antara mereka sendiri terlibat sebagai mangsa banjir,” kata YB Dato’ Sri Rohani Abdul Karim ketika merasmikan Majlis Penghargaan dan Penyampaian Sumbangan kepada Warga Kementerian dan Agensi di bawah KPWKM yang Terlibat Mangsa Banjir di Negeri Pahang.

“Ianya amat menyentuh hati saya kerana walaupun rumah dan keluarga mereka turut dilanda bencana, namun mereka masih mengutamakan tugas untuk memberi bantuan kepada mangsa yang lain di pusat pemindahan,” tambah Rohani lagi.

Beliau berkata penghargaan dan sumbangan ini juga sebagai tanda keprihatinan Kementerian terhadap pegawai dan kakitangan termasuk keluarga yang menjadi mangsa banjir dan berharap agar ianya mampu meringankan beban kewangan dan emosi yang ditanggung warga agensi di bawah KPWKM selain bantuan ehsan yang akan diberikan oleh Kerajaan.

Majlis turut menyaksikan penyampaian simbolik sumbangan daripada UNICEF Malaysia kepada Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia (PPBM) berupa perkakasan elektrik, alatan melukis dan mewarna dan

pelbagai barang lain kepada pengusaha Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) berdaftar yang terkesan akibat banjir.

Sebagai rakan kongsi bagi Kempen ‘*My Promise To Children*’ bersama UNICEF Malaysia yang dilancarkan pada tahun 2014, PPBM telah mengemukakan cadangan kepada UNICEF untuk membantu TASKA yang terjejas akibat banjir baru-baru ini.

Ini adalah selaras dengan Kempen ‘*My Promise To Children*’ yang mana antara inisiatif utama PPBM dalam misi pasca banjir adalah dengan memberikan bantuan serta-merta kepada pusat khidmat komuniti yang berada di Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak bagi membolehkan pengusaha memulakan semula pusat-pusat khidmat komuniti mereka.

Ini bagi memastikan ibu bapa untuk kembali bekerja disamping juga menyediakan kelengkapan kanak-kanak dari segi pendidikan, pemakanan, kesihatan, keselamatan serta dapat mengurangkan trauma kanak-kanak tersebut.

“Sokongan padu dan jitu dari semua pihak amat diperlukan untuk memastikan semua mangsa tidak kira warga emas, dewasa dan kanak-kanak dapat bangkit dari trauma yang dialami,” tambah Rohani lagi.

Turut hadir sama dalam majlis tersebut ialah Puan Yuko Kusamichi, wakil Unicef Malaysia, YBhg. Datin PH Wong, Presiden Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia, YBhg. Dato’Norsham Rahin, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KPWKM, YBhg. Dato’Norani Hj Mohd Hashim, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat dan YBhg. Dato’ Shamsiah Hussin, Pengarah JKMN Pahang.

#####

Disediakan oleh	:	Unit Komunikasi Korporat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat No.55 Persiaran Perdana, Presint 4, Putrajaya
Telefon	:	03 – 8323 1000
Tarikh	:	13 Februari 2015